

BAHASA ORANG ASLI MELAYU-PROTO: BAHASA ATAU DIALEK MELAYU?¹

oleh

Profesor Madya Dr. Rohani Mohd Yusof

Dan

Puan Noor Hasnoor Mohamad Nor

Akademi Pengajian Melayu

Universiti Malaya

50603 Kuala Lumpur

E-Mail: hanis_98@yahoo.com

ABSTRAK

Bahasa orang Asli Melayu-Proto adalah bahasa yang dituturkan oleh kelompok orang Asli yang terdapat di Malaysia. Penutur-penuturnya adalah antara penduduk peribumi yang dianggap sebagai minoriti kerana jumlahnya yang kecil. Pada dasarnya kelompok Melayu-Proto ini terdiri daripada enam suku kaum, iaitu orang Asli suku Temuan, suku Jakun, suku Kanaq, suku Seletar, suku Duano dan suku Semelai. Namun kajian ini tidak mengambil kira suku Semelai kerana daripada analisis, bahasanya termasuk ke dalam kelompok bahasa orang Asli Senoi. Berdasarkan analisis terhadap bahasa yang dituturkan oleh suku Temuan, suku Jakun, suku Kanaq, suku Seletar dan suku Duano didapati terdapat banyak persamaan dengan bahasa Melayu. Secara umum persamaan di antara suku bangsa boleh ditelusuri melalui rupa bentuk fizikal, sosio-budaya, kepercayaan dan bahasa yang dituturkan oleh mereka. Oleh itu kajian ini cuba menelusuri persamaan-persamaan ini dan adakah bahasa yang dituturkan oleh suku-suku berkenaan merupakan dialek atau bahasa yang serumpun dengan bahasa Melayu.

Kata Kunci: bahasa Asli Melayu-Proto, bahasa Melayu, bahasa serumpun, dialek dan bahasa.

1.0 Pengenalan

Orang Asli adalah antara kelompok peribumi yang mendiami Malaysia. Pada dasarnya mereka terbahagi kepada tiga kelompok utama, iaitu kelompok Melayu-Proto, Senoi dan Negrito. Setiap kelompok ini terbahagi pula kepada beberapa suku kaum yang menjadikannya 18 suku kaum. Namun disebabkan jumlah mereka yang kecil, menjadikan mereka sebagai penduduk minoriti di negara ini (sila rujuk Jadual 1). Oleh itu kajian ini hanya memberi tumpuan kepada kelompok Melayu-Proto bagi mengenal pasti hubungannya dengan masyarakat dan Bahasa Melayu.

¹ Kertas Kerja yang akan dibentangkan dalam Persidangan Kearifan Tempatan (RCLK), anjuran Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang bertempat di Kuching, Sarawak pada 12 - 13 Oktober 2014.

SENOI		MELAYU-PROTO		NEGRITO	
Semai	43505	Jakun	29,263	Jahai	2073
Temiar	25233	Temuan	22,819	Bateq	1842
Jah Hut	5082	Semelai	6,584	Lanoh	349
Semoq Beri	3692	Orang Kuala/Duano	3,716	Kensiu	240
Mah Meri	2858	Orang Seletar	1,431	Kintak	132
Che Wong	665	Orang Kanaq	87	Mendriq	215
Jumlah	80972		63,900		4851

Jadual 1: Perangkaan Jumlah Orang Asli Di Malaysia

(Sumber: Jabatan Hal Ehwal Orang Asli Malaysia, 2004)

Walaupun Jadual 1 di atas menunjukkan bahawa suku Semelai termasuk dalam kelompok Melayu-Proto, namun secara linguistiknya bahasa yang dituturkan oleh suku kaum ini tergolong ke dalam kelompok Senoi (sila rujuk Rohani Mohd Yusof et. al, 2007). Oleh itu dalam kajian ini, kelompok Melayu-Proto hanya merujuk kepada suku Jakun, Temuan, Seletar, Kanaq dan Orang Kuala (Duano).

Seterusnya bahasa yang dituturkan oleh setiap suku kaum adalah sejajar dengan nama suku kaum tersebut. Berdasarkan pembahagian, suku kaum ini dikelompokkan ke dalam Melayu-Proto dan bahasa-bahasa dari kelompok ini pula, dikategorikan sebagai Bahasa Melayu-Proto. Seterusnya untuk mengenal pasti sesuatu kaum, kita perlu menelusuri bangsanya. Dalam hal ini secara sinkronik kita boleh meneliti melalui rupa bentuk fizikal, sosio-budaya, kepercayaan dan bahasa yang mereka dituturkan. Namun sebelum itu, perlu dijelaskan konsep 'Melayu' dan 'orang Asli' secara umum.

Pengertian Melayu dan Melayu-Proto

Secara umum, istilah "Melayu" merujuk kepada suku bangsa yang mendiami kawasan-kawasan di Nusantara dan menuturkan Bahasa Melayu (Asmah Haji Omar, 2008: 50). Namun sempadan atau batas-batas politik yang berbeza menjadikan Bahasa Melayu mendapat nama berbeza menurut negara yang ditempatinya. Misalnya Bahasa Melayu, Bahasa Indonesia, Bahasa Melayu Brunei yang masing-masing dituturkan di Malaysia, Indonesia dan Brunei. Rata-rata di negara-negara ini, Bahasa Melayu menjadi bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi. Namun di Malaysia, pengertian "Melayu" mempunyai kaitan erat dengan agama Islam. Menurut Asmah Haji Omar (2008: 50-51):

"Di Malaysia pengertian "Melayu" mempunyai implikasi keagamaan Islam, kerana dalam perlombagaan Malaysia, orang Melayu ditakrifkan sebagai orang yang bertutur dalam bahasa Melayu, menganut agama Islam dan mengamalkan cara hidup Islam... Dengan kata perkataan lain, siapa sahaja boleh menjadi ahli suku bangsa

Melayu asal dia memenuhi keperluan-keperluan dalam takrif tersebut... Apabila seseorang dari mana-mana suku bangsa memeluk agama Islam, maka dia dikenal sebagai orang Melayu."

Seterusnya istilah 'proto' pula bermaksud 'yang pertama, yang asli atau primitif' (Oxford Fajar Advanced Learner's English Malay Dictionary, 2000: 1485). Dalam hal ini orang Melayu-Proto merujuk kepada kelompok orang Asli yang datang lebih awal ke negara ini sebelum kedatangan orang Melayu. Pengertian "Orang Asli" pula menurut Orang Asli 1954 (Akta 134) adalah seseorang yang bapanya Orang Asli, anak angkat atau anak yang dilahirkan dari perkahwinan antara lelaki atau perempuan Orang Asli dengan kaum lain, yang bercakap bahasa Orang Asli, mengikut cara hidup Orang Asli dan adat kepercayaan Orang Asli serta menjadi ahli daripada suatu masyarakat Orang Asli.² Di Malaysia terdapat tiga kumpulan utama orang Asli dan kumpulan Melayu-Proto adalah satu daripadanya, selain kumpulan Senoi dan Negrito. Setiap kumpulan ini terdapat pula suku kaumnya masing-masing (sila rujuk Jadual 1). Sedari awal orang Asli berpegang kepada kepercayaan animisme. Namun kini telah ada yang menganut agama Islam atau agama lain.

Sebelum kehadiran orang Melayu yang termasuk dalam golongan Melayu-Deutro, orang Melayu-Proto telah berada lebih awal di negara ini selepas kedatangan orang Austroasia (kelompok Senoi dan Negrito). Dari segi peradaban, mereka lebih maju daripada masyarakat Negrito. Mereka hidup dengan bercucuk tanam, namun masih mengamalkan kehidupan yang berpindah-randah atau nomad. Mereka dikenali sebagai Melayu-Proto, iaitu:

"The term Proto-Malay, ... refers to the ... speakers from mainland Asia who moved to the Malay peninsula and Malay archipelago in a long series of migrations between 2500 and 1500 BC. The Proto-Malays are the ancestors of the Malays in the modern Malaysia and Indonesia."³

Walau bagaimanapun dengan kedatangan Orang Melayu-Deutro ke Tanah Melayu pada tahun 1500 SM telah menyebabkan orang Melayu-Proto berpindah ke pendalamannya sesuai dengan corak kehidupan mereka. Malah keadaan ini masih berlarutan sehingga sekarang. Namun perubahan dalam kehidupan dan usaha dari pihak kerajaan menyebabkan ada di antara orang-rang Melayu-Proto ini yang telah mula keluar dari kehidupan sebelumnya.

Adat Kepercayaan dan Kehidupan

Sebelum kedatangan agama besar ke rantau ini, penduduknya berpegang kepada kepercayaan animisme. Dalam hal ini mereka percaya kepada semangat dan perlu dipuja supaya tidak mendatangkan mudarat kepada mereka. Mereka juga percaya kepada petanda-

² Keterangan lanjut, sila rujuk <http://www.jakoa.gov.my/pengenalan>, diakses pada 15 Julai 2014.

³ Sila rujuk <http://en.wikipedia.org/wiki/Proto-Malay>, diakses pada 15 Julai 2014.

petanda baik atau sebaliknya dari burung atau binatang-binatang tertentu (sila rujuk Asmah Haji Omar, 2008: 21). Hal-hal seperti ini masih dipegang teguh oleh orang Melayu-Proto walaupun telah di antara mereka yang memeluk agama Islam. Namun dalam masyarakat Melayu, amalan dan kepercayaan seperti ini telah menipis.

Ditinjau dari aspek kehidupan, orang Asli Melayu-Proto mengamalkan pertanian kecil-kecilan sebagai sara diri seperti ubi kayu, pisang, jagung, tebu dan sebagainya. Di samping itu ada juga di antara mereka yang memungut hasil-hasil hutan sebagai kegunaan sendiri atau jualan. Bagi yang tinggal berhampiran sungai atau laut, mereka turut menangkap ikan atau hasil lain. Sehubungan ini, J.H.C Kern telah membuat kajian berdasarkan beberapa perkataan yang digunakan sehari-hari, terutama nama tumbuh-tumbuhan, haiwan dan nama perahu. Beliau mendapati bahawa perkataan yang terdapat di Kepulauan Nusantara ini, terdapat juga di Madagaskar, Filifina, Taiwan dan beberapa buah pulau di Lautan Pasifik. Perkataan tersebut di antara lain ialah: padi, buluh, rotan, nyiur, pisang, pandan dan ubi. Berdasarkan senarai perkataan yang dikajinya itu, Kern berkesimpulan bahawa bahasa Melayu ini berasal daripada satu induk yang ada di Asia.⁴

Berdasarkan pandangan Kern terhadap hubungan Bahasa Melayu dengan bahasa-bahasa di Kepulauan Nusantara, secara langsung daripada tumbuh-tumbuhan yang ada dalam masyarakat Melayu-Proto, memperlihatkan adanya hubungan di antara Bahasa Melayu dengan bahasa Melayu-Proto. Dipercayai juga bahawa orang Melayu-Proto terkenal sebagai pelaut dan mengetahui tentang hal-hal tentang ilmu kelautan, di samping pengetahuan asas dalam pertanian. Malah dipercayai juga bahawa orang Melayu-Proto terkenal sebagai pelaut dan mengetahui tentang hal-hal tentang ilmu kelautan, di samping pengetahuan asas dalam pertanian.⁵

Perkaitan Bangsa dan Rupa Fizikal

Berdasarkan perkaitan antara suku bangsa, terdapat pandangan oleh pakar linguistik bandingan yang mengatakan adanya asas linguistik di antara Melayu-Proto dan Melayu-Deutro (Karl Anderbeck: 2002). Malah daptan daripada asas ini turut menyatakan bahawa "the Proto-Malay and the Deutero-Malay peoples possibly belong to the same stock and origin".⁶ Jika demikian, secara pasti bahasa-bahasa diturunkan dari induk/rumpun bahasa yang sama, iaitu rumpun Austronesia. Dalam hal ini cuma kedatangan orang Melayu-Proto ke Semenanjung lebih awal daripada orang Melayu-Deutro yang merupakan gelombang migrasi kedua, iaitu sekitar tahun 300 SM. Kenyataan ini dapat diperkuatkan melalui perbandingan unsur-unsur leksikal dengan menggunakan kaedah dalam linguistik bandingan yang

⁴ Sila rujuk <http://www.lib.usm.my/press/DAH/bab1.html>, diakses pada 17 Disember 2003.

⁵ Sila rujuk <http://en.wikipedia.org/wiki/Proto-Malay>, diakses pada 15 Julai 2014.

⁶ Op. cit

memperlihatkan perkaitan yang rapat di antara Bahasa Melayu dan bahasa Melayu-Proto (sila rujuk Rohani Mohd Yusof et. al, 2008).

Seterusnya dilihat pada pandangan umum, bentuk fizikal dan paras rupa kelompok Melayu-Proto tidak jauh bezanya dengan orang Melayu. Pada dasarnya kulit mereka tidaklah gelap dan rambut mereka agak ikal dan mempunyai ketinggian yang sederhana. Malah mereka tidak seperti orang Asli dari kelompok Senoi dan Negrito yang kelihatan agak rendah dengan rambut yang kerinting. Dalam hal ini keadaan mereka dilihat seperti orang Melayu tradisional atau 'orang Melayu kampung'. Walau bagaimanapun kemungkinan perkaitan seperti ini memerlukan bukti yang lebih saintifik seperti meneliti hubungan genetik antara orang Melayu dengan orang Melayu-Proto melalui kajian DNA.

Perkaitan Linguistik/Bahasa

Selain daripada faktor-faktor di atas, perkaitan di antara orang Melayu dan kelompok Melayu-Proto boleh ditinjau daripada faktor linguistik. Faktor-faktor sosial, budaya dan lain-lain boleh memberi nilai tambah kepada faktor bahasa yang nyata lebih kukuh. Hubungan genetik bahasa juga boleh dilihat melalui kaedah Leksikostatistik dan Glotokronologi.

Perkaitan linguistik di antara bahasa-bahasa Melayu-Proto boleh dilihat berdasarkan ciri-ciri fonologi dan unsur kognat yang terdapat pada kata-kata leksikal. Kata leksikal adalah kata yang mempunyai makna atau senarai makna yang tidak disyaratkan oleh struktur dan sebahagian besarnya adalah kata sempurna (Asmah Haji Omar, 1993: 21). Dilihat dari segi fonologi, secara umum bahasa-bahasa di dalam kelompok Melayu-Proto terdiri daripada sistem sistem tujuh hingga lapan vokal, 19 konsonan dan tiga diftong. Secara tidak langsung, sistem fonologi dalam bahasa ini memperlihatkan persamaan yang rapat dengan Bahasa Melayu, termasuklah dialek-dialeknya. Perhatikan gambaran sistem vokal dan sistem konsonan yang terdapat kebanyakan bahasa dari kelompok Melayu-Proto:

Sistem Vokal

Vokal Depan: i e ε

Vokal Belakang: a ɔ o u

Vokal Tengah: ɔ

Diftong: ay oy aw

Sistem Konsonan

Plosif: p b t d k g ?

Nasal: m n ŋ ɳ

Afrikat:	c	j
Frikatif:	s	h
Tril:	r	
Lateral:	l	
Separuh Vokal:	w	y

Seterusnya pengelompokan bahasa-bahasa berkenaan ke dalam Melayu-Proto ada kaitan dengan ciri-ciri bahasa induk yang diwarisinya. Hal ini dapat dikukuhkan lagi apabila adanya gejala mempertahankan kehadiran fonem / h / pada lingkungan awal dan tengah kata. Gejala ini misalnya terlihat dalam bahasa Jakun dan Temuan. Sebaliknya dalam kebanyakan bahasa Austronesia dan dialek-dialek Melayu, unsur ini akan dihilangkan (sila lihat Asmah Haji Omar, 1983). Menurut Asmah Haji Omar (1993: 376), fonem / *h / merupakan salah satu daripada ciri bahasa induk yang diandaikan bahawa semua vokal di awal kata dalam bahasa induk didahului oleh / *h /. Gejala yang sama juga dapat dilihat dalam bahasa Urak Lawoi yang dituturkan di Pulau Adang, Thailand.⁷ Secara tidak langsung, ciri-ciri sebegini memberi gambaran bentuk bahasa yang lebih awal dan ini dinyatakan oleh Asmah Haji Omar (2008: 159-160) seperti berikut:

"Dialek-dialek orang-orang Melayu Proto dan Orang Laut itu boleh memberi gambaran tentang bentuk bahasa Melayu yang kita kenal sekarang ini. Boleh jadi juga dialek-dialek itu lebih tua dari bahasa Melayu klasik yang terdapat dalam hikayat-hikayat."

Perhatikan antara perkaitan dalam contoh-contoh berikut:

No.	Bahasa Jakun	Bahasa Temuan	Bahasa Induk	Bahasa Melayu
1.	habu	Habu	*habu	abu
2.	hubi	hubi?	*hubi	ubi
3.	hudan̩	hudan̩	*hudan̩	udang
4.	hulat	hulat	*hulat	ulat
5.	hayam	hayam	*hayam	ayam

Di samping itu, ada di antara bahasa Melayu-Proto ini memperlihatkan kewujudan / h / pada lingkungan tengah kata. Namun dalam dialek-dialek Melayu dan kebanyakan bahasa Austronesia, konsonan / h / ini juga turut dihilangkan (sila lihat Rohani Mohd Yusof, 2006). Walau bagaimanapun, berdasarkan contoh-contoh ini sahaja, kita tidak dapat membuat kesimpulan bahawa kehadiran / h / ini adalah sebagai sebahagian daripada ciri-

⁷ Berdasarkan data lapangan yang diperolehi melalui Peruntukan Vote F (FS128/2008C).

ciri bahasa induk. Setiap penemuan bentuk induk harus didasarkan pada bukti-bukti yang ada (Asmah Haji Omar, 1993: 376). Perhatikan antara contoh-contoh kehadiran / h / pada lingkungan tengah kata seperti berikut:

NO.	B.JAKUN	B.TEMUAN	B.KANAQ	B.SELETAR	B.KUALA	B.MELAYU
1.	tuha	tuha	-	-	-	tua
2.	-	-	-	-	duhu	dua
3.	bahya?	bahya?	-	-	-	buaya
4.	məntuha	məntuhai?	-	-	-	mertua

Seterusnya perkaitan di antara bahasa-bahasa Melayu-Proto boleh dilihat berdasarkan ciri-ciri kognat yang terdapat pada kata-kata leksikal. Kata kognat yang dilihat berdasarkan ciri-ciri fonologi menunjukkan wujudnya persamaan dari segi bunyi yang sama atau hampir sama. Persamaan ini terlihat pada unsur-unsur vokal dan konsonan. Perhatikan contoh-contoh berikut:

NO.	B.JAKUN	B.TEMUAN	B.KANAQ	B.SELETAR	B.KUALA	B.MELAYU
1.	mata	mata?	mata?	mata?	matu	mata
2.	hati	hati?	ati?	hati?	hati	hati
3.	api	api?	api?	api?	api	api
4.	habu	habu	abu?	abu?	abu	abu
5.	təlur	təlo	təloy	təlow	təlu	təlur

Berdasarkan penelitian yang telah dilakukan, secara keseluruhan didapati bahawa kelima-lima bahasa ini tidak memperlihatkan persamaan kognat yang seratus peratus sama. Namun terdapat juga persamaan yang dikongsi di antara bahasa-bahasa tersebut, misalnya:

a. Bahasa Jakun-Bahasa Temuan

- i. / habu / = abu
- ii. / jantan / = lelaki
- iii. / laki / = suami
- iv. / bini / = isteri

b. Bahasa Temuan-Bahasa Seletar

- i. / mata? / = mata
- ii. / hati? / = hati
- iii. / api? / = api
- iv. / binataŋ / = binatang

c. Bahasa Seletar-Bahasa Kuala

- i. / itam / = hitam
- ii. / bukit / = bukit
- iii. / idup / = hidup
- iv. / bunuh / = bunuh

d. Bahasa Kuala-Bahasa Kanaq

- i. / tanah / = tanah
- ii. / meyah / = merah
- iii. / kulit / = kulit
- iv. / bintang / = bintang

Manakala dari segi semantik pula, taraf kekognatan dilihat berdasarkan persamaan dari segi makna yang sama atau hampir sama, misalnya:

NO.	B.JAKUN	B.TEMUAN	B.KANAQ	B.SELETAR	B.KUALA	B.MELAYU
1.	səməs	səmuhai	mata?	sumun	səmuə	semua
2.	naho	tahu?	ati?	taʔu?	taw	tahu
3.	talor	talo	api?	təlow	təlu	telur
4.	ikor	eko	abu?	ekow	uko	ekor

1.6 Taraf Kekerabatan Bahasa Melayu-Proto dan Bahasa Melayu

Seterusnya taraf kekerabatan terhadap kelima-lima bahasa Melayu-Proto dan Bahasa Melayu boleh ditentukan dengan menggunakan kaedah Leksikostatistik. Leksikostatistik adalah suatu teknik dalam pengelompokan bahasa yang mengutamakan leksikon secara statistik untuk menentukan peratus persamaan dan perbezaan suatu bahasa dengan bahasa yang lain (Gorys Keraf, 1996: 121). Dengan kata lain kaedah ini adalah untuk menentukan kata sekerabat atau bersanak dengan cara menghitung peratusan kata berkognat. Di samping itu, kaedah ini juga dapat menentukan taraf kekerabatan kelima-lima bahasa berkenaan, sama ada sebagai dialek atau bahasa. Sekiranya jumlah peratusan kurang daripada 85 peratus, maka tarafnya adalah bahasa yang berbeza. Sebaliknya jika peratusannya lebih daripada 85 peratus, maka tarafnya adalah sebagai dialek dari satu bahasa yang sama (Rohani Mohd Yusof, 2003: 466).

Untuk tujuan perbandingan ini, kosa kata dasar (*basic vocabulary*) yang akan digunakan adalah berdasarkan senarai 100 perkataan yang dicadangkan oleh Morris Swadesh (Theodora Bynon, 1977). Senarai kosa kata dasar kelima-lima bahasa Melayu-Proto yang

dipilih akan dibandingkan secara berpasangan. Kosa kata yang terdiri daripada kata kompleks⁸, kata pinjaman dan kata kosong (ada dalam salah satu bahasa, tetapi tiada dalam bahasa yang dibandingkan) akan ditolak. Penentuan taraf kekognatan akan ditentukan sekiranya terdapat persamaan atau perkaitan di antara bahasa-bahasa yang dibandingkan. Daripada perkiraan terhadap kelima-lima bahasa Melayu-Proto tersebut (sila lihat Rohani Mohd Yusof (et. al), 2008), hasilnya dapat dilihat seperti jadual berikut:

Bahasa	Peratus Kognat (%)
B. Jakun - B. Temuan	90.3
B. Jakun - B. Kanaq	92.5
B. Jakun - B. Seletar	87.1
B. Jakun - B. Kuala	80.9
B. Temuan - B. Kanaq	86.2
B. Temuan - B. Seletar	84.1
B. Temuan - B. Kuala	77.7
B. Seletar - B. Kanaq	85.9
B. Kuala - B. Kanaq	75.5
B. Kuala - B. Seletar	73.7

Jadual 4: Peratusan Kognat Bahasa Melayu-Proto

Berdasarkan peratus kekognatan bagi kelima-lima bahasa di atas, didapati bahawa julat bagi bahasa-bahasa tersebut adalah di antara 73.7 peratus hingga 90.3 peratus. Oleh yang demikian dalam penentuan taraf bahasa terhadap kelima-lima bahasa Melayu-Proto berkenaan dapat diandaikan seperti berikut:

- i. Bahasa Jakun - Bahasa Temuan, Bahasa Jakun - Bahasa Kanaq, Bahasa Jakun - Bahasa Seletar dan Bahasa Seletar - Bahasa Kanaq merupakan dialek dari satu bahasa.
- ii. Bahasa Jakun - Bahasa Kuala, Bahasa Temuan - Bahasa Seletar, Bahasa Temuan - Bahasa Kuala, Bahasa Kuala - Bahasa Kanaq dan Bahasa Kuala - Bahasa Seletar merupakan bahasa-bahasa yang berbeza, tetapi dari induk yang sama.

Setiap peratusan kognat yang diperolehi dari hasil perbandingan seterusnya boleh dikategorikan menurut kelompok atau tingkatnya masing-masing seperti yang tergambar dalam Jadual 5 berikut:

⁸ Untuk kajian ini kata kompleks merujuk kepada kata yang menerima imbuhan dan kata majmuk.

Tingkat Bahasa	Abad Pisah	Peratus Kognat (%)
Bahasa (Language)	0 - 5	100 - 81
Keluarga (Family)	5 - 25	81 - 36
Rumpun (Stock)	25 - 50	36 - 12
Mikrofilum	50 - 75	12 - 4
Mesofilum	75 - 100	5-25
Makrofilum	100 - ke atas	1 - kurang dari 1%

Jadual 5: Tingkat Klasifikasi Bahasa

(Sumber: Disesuaikan dari Gorys Keraf, 1996: 135)

Berdasarkan peratusan kognat yang diperolehi melalui perbandingan di antara bahasa-bahasa Melayu-Proto (sila rujuk Jadual 3), maka bahasa-bahasa tersebut boleh dikelompokkan seperti berikut:

Bahasa	Peratus Kognat (%)	Abad Pisah	Tingkat Bahasa
B. Jakun - B. Temuan	90.3	0-5	Bahasa
B. Jakun - B. Kanaq	92.5	0-5	Bahasa
B. Jakun - B. Seletar	87.1	0-5	Bahasa
B. Temuan - B. Kanaq	86.2	0-5	Bahasa
B. Seletar - B. Kanaq	85.9	0-5	Bahasa
B. Temuan - B. Seletar	84.1	5-25	Keluarga
B. Jakun - B. Kuala	80.9	5-25	Keluarga
B. Temuan - B. Kuala	77.7	5-25	Keluarga
B. Kuala - B. Kanaq	75.5	5-25	Keluarga
B. Kuala - B. Seletar	73.7	5-25	Keluarga

Jadual 6: Pengelompokan Bahasa-Bahasa Melayu-Proto

Seterusnya hasil daripada kajian juga mendapati bahawa perkaitan di antara bahasa Melayu-Proto dan bahasa Melayu pula memperlihatkan peratusan kognat yang tinggi berbeza dengan peratusan kognat di antara bahasa-bahasa Melayu-Proto (sila lihat Jadual 3), kecuali bahasa Kuala. Hasil kajian mendapati peratus kognat antara bahasa Melayu dan bahasa Melayu-Proto adalah seperti berikut:

Bahasa	Peratus Kognat (%)
B. Jakun - B. Melayu	92.4
B. Temuan - B. Melayu	89.5
B. Kanaq - B. Melayu	90.2
B. Seletar - B. Melayu	87.1
B. Kuala - B. Melayu	80.9

Jadual 7: Peratusan Kognat Bahasa Melayu-Proto dan Bahasa Melayu

Daripada Jadual 5 di atas, didapati bahawa bahasa Melayu-Proto dan bahasa Melayu mempunyai hubungan yang amat erat, terutamanya di antara bahasa Jakun, bahasa Temuan, bahasa Kanaq dan bahasa Seletar. Keempat-empat bahasa ini memperlihatkan peratusan lebih daripada 85 peratus, kecuali bahasa Kuala yang mempunyai perkaitan sebanyak 80.9 peratus. Berdasarkan jumlah peratusan ini, dapat diandaikan bahawa bahasa Melayu-Proto merupakan variasi kepada bahasa Melayu. Ini bermakna bahawa bahasa dari kelompok Melayu-Proto ini merupakan dialek dari Bahasa Melayu dan berkongsi induk bahasa yang sama. Seterusnya pengelompokan bagi bahasa-bahasa ini adalah seperti berikut:

Bahasa	Peratus Kognat (%)	Abad Pisah	Tingkat Bahasa
B. Jakun - B. Melayu	92.4	0-5	Bahasa
B. Temuan - B. Melayu	89.5	0-5	Bahasa
B. Kanaq - B. Melayu	90.2	0-5	Bahasa
B. Seletar - B. Melayu	87.1	0-5	Bahasa
B. Kuala - B. Melayu	80.9	5-25	Keluarga

Jadual 8: Pengelompokan Bahasa-Bahasa Melayu-Proto dan Bahasa Melayu

Walaupun bahasa Semelai tidak diberikan perhatian mendalam, namun perbandingan turut dilakukan secara sepantas lalu. Peratus kognat yang diperolehi adalah seperti Jadual 6 berikut:

Bahasa	Peratus Kognat (%)
B.Semelai - B. Melayu	25.77%
B.Semelai - B. Jakun	25.77%
B.Semelai - B. Temuan	23.71%
B.Semelai - B. Seletar	26.04%
B.Semelai - B. Kanaq	21.65%
B.Semelai - B. Kuala	26.53%

Jadual 9: Peratus Kognat Bahasa Semelai dan Bahasa Melayu-Proto

Berdasarkan peratusan kognat di antara bahasa Semelai dengan Bahasa Melayu dan bahasa-bahasa Melayu-Proto, ternyata bahawa ini tidak tergolong dalam rumpun Austronesia. Dalam hal ini ternyata bahasa Semelai tergolong ke dalam rumpun bahasa yang lain, iaitu rumpun Austroasia. Walaupun terdapat persamaan, tetapi peratusan kognat yang kurang dari 30 peratus meletakkan bahasa ini dalam rumpun yang berlainan. Namun kedua-dua rumpun ini berasal dari satu induk yang sama, dikenali sebagai Filum Austrik (sila rujuk Asmah Haji Omar, 2008(c)). Berdasarkan dapatan ini sewajarnya bahasa Semelai tidak dimasukkan ke dalam kelompok Melayu-Proto seperti yang ada sekarang.

1.7 Kesimpulan

Daripada hasil perbandingan yang dilakukan, memperlihatkan wujudnya perkaitan di antara bahasa Melayu-Proto dengan Bahasa Melayu. Perkaitan ini bukan sahaja terlihat pada ciri-ciri sosial dan budaya, tetapi yang paling kukuh adalah pada perkaitan bahasanya. Hasil kajian perbandingan ini mendapati bahawa kelima-lima bahasa Melayu-Proto ini boleh merupakan dialek dari bahasa yang sama atau bahasa yang berbeza dengan induk yang sama. Walau bagaimanapun, berdasarkan peratusan kognat yang diperolehi, didapati kesemua dialek dan bahasa ini datang dari rumpun bahasa yang sama, iaitu rumpun Austronesia. Misalnya bahasa Jakun-bahasa Temuan, bahasa Jakun-bahasa Kanaq dan bahasa Jakun-bahasa Seletar merupakan dialek dari satu bahasa yang sama. Sementara bahasa Jakun-Bahasa Kuala, bahasa Temuan-bahasa Seletar, bahasa Temuan-bahasa Kuala, bahasa Kanaq-bahasa Kuala dan bahasa Kuala-bahasa Seletar pula merupakan bahasa-bahasa yang berbeza dengan induk yang sama.

Semua persamaan ini bukanlah satu kebetulan, tetapi disebabkan bahasa ini mempunyai perkaitan kekeluargaan atau merupakan warisan langsung (Charles F. Hockett, 1973: 486). Selain itu, bahasa Melayu-Proto ini juga memperlihatkan perkaitan yang tinggi dengan Bahasa Melayu. Berdasarkan kadar peratusan kognat memperlihatkan bahasa Jakun, Temuan, Kanaq dan Seletar sebagai dialek dari satu bahasa, kecuali bahasa Kuala yang memperlihatkan sebagai bahasa dari keluarga yang sama. Maka daripada dapatan ini, jelas menunjukkan bahawa hubungan atau perkaitan di antara bahasa Melayu-Proto amat erat, begitu juga hunbungannya dengan bahasa Melayu. Malah kedudukan bahasa Melayu-Proto dalam pengelompokan bahasa yang seiring dengan bahasa Melayu adalah wajar dan tepat. Namun agama dan tempat tinggal telah memisahkan kedua-dua bangsa Melayu dan Melayu-Proto ini.

BIBLIOGRAFI

- Asmah Haji Omar, 1982. *Language and Society in Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar, 1983. *The Peoples of Malaysia And Their Languages*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka.
- Asmah Haji Omar, 1991(a). *Kepelbagai Fonologi Dialek-dialek Melayu* (Edisi Kedua), Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur.

Asmah Haji Omar, 1991(b). *Aspek Bahasa dan Kajiannya: Kumpulan Siri Ceramah Peristikahan* (cetakan kedua), Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur.

Asmah Haji Omar, 1993(b). *Bahasa dan Alam Pemikiran Melayu*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur.

Asmah Haji Omar, 1995(a). *Rekonstruksi Fonologi Bahasa Melayu Induk* (Siri Monograf Sejarah Bahasa Melayu), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Asmah Haji Omar, 1995(b). *Rekonstruksi Kata Dalam Bahasa Melayu Induk* (Siri Monograf Bahasa Melayu), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Asmah Haji Omar, 2003. *Language and Language Situation in South East Asia: With a Focus on Malaysia*, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu.

Asmah Haji Omar, 2008(b). *Kaedah Penyelidikan Bahasa di Lapangan*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

Asmah Haji Omar, 2008(c). *Susur Galur Bahasa Melayu (Edisi Kedua)*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Charles F. Hockett, 1973. *A Course In Modern Linguistics*, Oxford And IBH Publishing Company.

Colin Nicholas, 2000. *The Orang Asli And The Contest For Resource: Indigenous Politics, Development And Identity In Peninsular Malaysia*, Denmark: International Work Group For Indigenous Affairs.

Gorys Keraf, 1984. *Linguistik Bandingan Historis*, P.T Gramedia, Jakarta.

Henry M. Hoenigswald, 1960. *Language Change and Linguistic Reconstruction*, The University of Chicago Press.

Iskandar Carey, 1976. *Orang Asli: The Aboriginal Tribes of Peninsular Malaysia*, London: Oxford University Press.

Karl Anderbeck, "Suku Batin - A Proto-Malay People? Evidence from Historical Linguistics", The Sixth International Symposium on Malay/Indonesian Linguistics, 3 - 5 August 2002, Bintan Island, Riau, Indonesia.

Mohd Fadzil Mohd Yunus, 1968. "Fonologi Bahasa Temuan", Latihan Ilmiah, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Neil Joseph Ryan (1976). *A History of Malaysia and Singapore*. London: Oxford University Press. pp. 4 & 5. ISBN 0-19-580302-7

Orang Asli, http://en.wikipedia.org/wiki/Aboriginal_Malay_languages, diakses pada 15 Julai 2014.

Raimo Anttila, 1989. *Historical And Comparative Linguistics* (2nd Revised Edition), Amsterdam: John Benjamins Publishing Company.

R.J. Wilkinson. 1971. *Papers On Malays Subjects*, Kuala Lumpur: Oxford University Press.

Rohani Mohd Yusof. 1986. 'Dialek Kuala Kangsar: Satu Kajian Perbandingan Fonologi', Tesis Untuk Memenuhi Syarat-syarat Keperluan Ijazah Sarjana Sastera, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Rohani Mohd Yusof, 1999. "Perbandingan Morfologi Bahasa Melayu dan Bahasa Iban", Disertasi bagi memenuhi keperluan Ijazah Doktor Falsafah, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Rohani Mohd Yusof, "Perkaitan Bahasa Melayu dan Bahasa Iban: Satu Tinjauan Ringkas", dalam *Jurnal Bahasa*, Jilid 3, Bilangan 3, September 2003, hlm. 457-475.

Rohani Mohd Yusof, 2006. "Variasi/Kepelbagaian Perubahan Konsonan Frikatif / h / Dalam Bahasa-Bahasa Bumiputera Sarawak", Persidangan Antarabangsa Bahasa, Sastera dan Kebudayaan Melayu III, anjuran National Institute of Education, Singapura, bertempat di Hotel Mandarin Singapura, pada 14-16 Julai 2006.

Rohani Mohd Yusof (et. al), 2008. "Leksikostatistik Bahasa-Bahasa Melayu-Proto", kertas kerja yang dibentangkan di Seminar Antarabangsa Dialek-Dialek Austronesia di Nusantara III, Universiti Brunei Darussalam, pada 24-26 Januari 2008.

Rohani Mohd Yusof. 2009. "Kepelbagaian Fonologi Bahasa-Bahasa Serumpun", dalam Seminar Internasional Bahasa,Sastr, dan Budaya Melayu Nusantara, Kerjasama Pusat Penelitian Kebudayaan Melayu Universitas Tanjungpura dan Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, bertempat di Universitas Tangjungpura, Pontianak, Indonesia, pada 21 Mac 2009.

Rose Hanita Hj. Sariman, 1991. "Fonologi Dialek Melayu Temuan: Satu Kajian Kes Masyarakat Orang Asli di Kuala Panson, Hulu Langat, Selangor", Latihan Ilmiah, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Sumber Laman Web Rasmi Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, <http://www.jheoa.gov.my/web/guest/40>, diakses pada 24 Oktober 2010.

Terry Crowley, 1987. *An Introduction To Historical Linguistics* (Linguistics Series No. 1), University of Papua New Guinea Press.

The Principles of The International Phonetic Association, International Phonetic Association, University College, Gower Street, London, Reprinted 1978.


Theodora Bynon, 1977. *Historical Linguistics*, London: Cambridge University Press.

William Bright, (ed.), *Historical Linguistics: An Introduction*, Oxford and Publishing Company.

Williams-Hunt, 1952. *An Introduction To The Malayan Aborigines*, Kuala Lumpur: Government Press.

Willem Fase et. al. 1992. *Maintenance And Loss Of Minority Languages*, Amsterdam: John Benjamins Publishing Company.

Winfred P. Lehmann, 1973. *Historical Linguistics: An Introduction* (Third Indian Reprint), Oxford and IBH Publishing Co. Holt, Rinehart and Winston Inc.



Peta Menunjukkan Taburan Kelompok Melayu-Proto
(Sumber: <http://www.jheoa.gov.my/web/quest/40>, diakses pada 4 Julai 2012)